



PROSEDUR
PERMOHONAN SYARIKAT
UTILITI KEPADA JKR

Pindaan 2018

PRAKATA

Prosedur Permohonan Syarikat Utiliti Kepada JKR disediakan untuk memberi panduan yang lebih jelas bagi proses permohonan penanaman kabel seiring dengan prosedur dan keperluan terkini.

Selain itu, prosedur ini juga adalah berdasarkan Akta Perwakilan Kuasa 1956 Di Bawah Seksyen 85, Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Pembinaan akses dan parit dan penyusunan pemasangan utiliti awam ke jalan-jalan yang ada) yang mana kuasa melulus telah ditetapkan di bawah kuasa Pengarah Negeri bagi semua negeri kecuali Negeri Sabah iaitu di bawah kuasa Jurutera Daerah dan Jurutera Unit Penyelenggaraan Jalan.

Antara tujuan lain prosedur ini dihasilkan adalah bagi menambahbaik perkara-perkara yang tidak terkandung dalam Arahan Teknik (Jalan) 4/85 (Pin. 1997): *Application For The Installation Of Public Utility Services Within Road Reserve* seperti berikut:-

- i) Permohonan dan pertanggungjawaban oleh Syarikat Utiliti
- ii) Penyeragaman Wang Cagaran
- iii) Pelan Pengurusan Trafik
- iv) Borang-borang berkaitan
- v) Perlantikan Perunding Kejuruteraan Awam Dan/Atau Perunding Berkaitan Yang Bertauliah jika projek melebihi RM 500,00.00
- vi) Penyediaan "Method Statement" yang disahkan oleh perunding kejuruteraan awam dan/atau perunding berkaitan yang bertauliah
- vii) Penyediaan Pelan Pengesanan dan Pemetaan Kemudahan Utiliti Di Bawah Tanah pada pelan ukur yang telah disahkan oleh Juruukur Tanah Berlesen
- viii) Insurans *Contractor All Risks* (C.A.R.)

Selain perkara di atas, prosedur ini telah dilancarkan oleh YBhg Dato' Sri Zohari Bin Haji Akob, Ketua Setiausaha, Kementerian Kerja Raya pada 28 Oktober 2016 semasa Taklimat Prosedur Permohonan Syarikat Utiliti Kepada JKR. Prosedur ini akan mula berkuatkuasa 1 Januari 2017.

Prosedur ini perlu dirujuk bersama-sama dengan dokumen-dokumen berikut:-

- i) Arahan Teknik (Jalan) 4/85 (Pin. 1997): *Application For The Installation Of Public Utility Services Within Road Reserve*
- ii) Arahan Teknik Jalan 2C/85 (*Manual On Traffic Control Devices, Temporary Signs And Work Zones Control*)
- iii) JKR/SPJ /2008-Seksyen 4
- iv) REAM Guideline - GL 4/2002

KANDUNGAN

1.0	SYARAT-SYARAT AM	
1.1	Izin Lalu	1
1.2	Permit Korekan Jalan.....	1-5
1.3	Kebenaran Memulakan Kerja.....	6
2.0	TATACARA KERJA PEMBINAAN	
2.1	Pembinaan Lurang (<i>Manhole</i>).....	7
2.2	Penanaman Paip Saluran/Kabel.....	7-8
2.3	Kerja - Kerja Di Pavemen.....	9-11
3.0	PEMBAIKAN KEROSAKAN.....	12
4.0	SYARAT KHAS – PEMBEKUAN PERMOHONAN.....	12-13
5.0	LAMPIRAN	
5.1	Lampiran A (Contoh surat kebenaran izin lalu).....	I-IV
5.2	Lampiran B (Contoh Sijil Siap Kerja).....	V-VI
5.3	Lampiran C (Kaedah Pengiraan Wang Cagaran (HDD) Merintang Jalan.....	VII
5.4	Lampiran D (Kaedah Pengiraan Wang Cagaran (HDD) Sepanjang Jalan.....	VIII-IX
5.5	Lampiran E (Contoh Perakuan Siap Membaiki Kecacatan).....	X
5.6	Lampiran F (Carta Alir Proses Permohonan Kerja Utiliti Berjadual.....	XI
5.7	Borang JKR/P-01/2016 (Senarai Semak Permohonan Permit Korek Jalan).....	XII
5.8	Borang JKR/P-02/2016 (Borang Permohonan (Korekan Jalan)...	XIII-XVII
5.9	Borang JKR/P-03/2016 (Pengesahan Perlantikan Perunding Kejuruteraan Awam Dan/Atau Perunding Berkaitan Yang Bertauliah).....	XVIII-XIX

5.10 Borang JKR/P-04/2016 (Pengemukaan Pelan-Pelan Korekan Kerja-Kerja Utiliti).....	XX
5.11 Borang JKR/P-05/2016 (Akujanji Antara Pemohon Dan Pengarah JKR Negeri).....	XXI

PROSEDUR PERMOHONAN SYARIKAT UTILITI KEPADA JKR

1.0 SYARAT-SYARAT AM

1.1 Izin Lalu

- 1.1.1 Pemohon (pemohon adalah syarikat utiliti) hendaklah mengemukakan permohonan kebenaran izin lalu kepada Jurutera Daerah JKR yang lengkap mengandungi: -
- i) Cadangan permohonan
 - ii) Lukisan tapak
 - iii) Peta penandaan lokasi
 - iv) Gambar lokasi
- 1.1.2 Jurutera Daerah JKR/wakil akan memeriksa lokasi setelah permohonan izin lalu lengkap diterima.
- 1.1.3 Jurutera Daerah JKR akan mengeluarkan surat kebenaran izin lalu kepada pemohon sekiranya lokasi tersebut bersesuaian. (rujuk contoh surat kebenaran izin lalu di **Lampiran A**)
- 1.1.4 Kebenaran izin lalu hanya sah untuk tempoh tiga (3) bulan sahaja dari tarikh surat kebenaran izin lalu diterima oleh pemohon.

1.2 Permit Korekan Jalan

- 1.2.1 Pemohon perlu mengisi dan melengkapkan borang permit korekan jalan dengan lengkap sepertimana borang JKR/P-01/2016, JKR/P-02/2016, JKR/P-03/2016, JKR/P-04/2016 dan JKR/P-05/2016 setelah menerima surat kelulusan kebenaran izin lalu dan mengemukakan permohonan tersebut kepada Jurutera Daerah JKR. Jurutera Daerah akan memanjangkan permohonan tersebut yang lengkap kepada Pengarah JKR Negeri untuk kelulusan.
- 1.2.2 Bagi kos kerja yang bernilai RM 500,000.00 dan ke atas, pemohon dikehendaki melantik perunding kejuruteraan awam dan/atau perunding berkaitan yang bertauliah untuk memantau kerja-kerja pemasangan utiliti di tapak dan segala pengurusan pengemukaan dokumen hendaklah melalui juru perunding yang dilantik. (Borang **JKR/P-03/2016**)

1.2.3 Pemohon hendaklah membuat pembayaran wang cagaran dengan mematuhi kadar bagi jenis-jenis kerja pemasangan utiliti seperti yang telah dipersetujui oleh Ketua Pengarah Kerja Raya. Jenis pembayaran adalah secara 30 peratus deraf bank dan 70 peratus gerenti bank bagi projek dengan nilai wang cagaran melebihi RM500,000 manakala pembayaran secara 100 peratus deraf bank bagi projek dengan nilai wang cagaran kurang daripada RM500,000.

Pemulangan wang cagaran dilaksanakan secara berperingkat dengan lima puluh peratus akan dipulangkan setelah Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) (rujuk **Lampiran B**) dikeluarkan. Selebihnya akan dibayar pada 3 bulan berikutnya bagi syarikat utiliti yang mendeposit wang amanah bagi kerja-kerja kecemasan di JKR Negeri. Manakala pulangan 50 peratus wang cagaran adalah 12 bulan selepas CPC dikeluarkan bagi mana-mana syarikat utiliti yang tiada deposit wang amanah tersebut.

Pengarah JKR Negeri berhak menentukan jumlah Wang Cagaran bagi kerja-kerja utiliti lain selain daripada yang dinyatakan di dalam senarai sepertimana **Jadual 1**.

Jadual 1: Kadar Wang Caqaran / Deposit Kerja-Kerja Utiliti Berjadual

Bil	Jenis kerja	Unit	Kadar Dicadangkan (RM)
1	<i>Horizontal Directional Drilling (HDD)</i> (merintang jalan) (rujuk Lampiran C)	Per Meter	RM6,500.00
		Lorong (7 Meter)	RM45,500.00
2	<i>Horizontal Directional Drilling (HDD)</i> (sepanjang bahu jalan) (rujuk Lampiran D)	Per Pit	RM25,000.00
3	<i>Tunnelling</i>	Per Meter	RM6,500.00
		Lorong (7 Meter)	RM45,500.00
4	<i>Thrustboring / Pipe Jacking / Jack & Drill</i>	Per Meter Lorong (7 Meter)	RM6,500.00 RM45,500.00
5	Potong Bahu Jalan (Tidak Berturap)	Per Meter	RM400.00
		Minima (Pukal)	RM5,000.00
6	Potong Permukaan Jalan Berturap / <i>Micro-trenching</i>	Per Meter	RM 8,000.00
		Minima (Pukal)	RM10,000.00
7	<i>Trial Pit</i>	Bilangan	RM5,000.00
8	<i>Excavation Pit</i>	Bilangan	RM25,000.00
9	Pemasangan Tiang	Bilangan	RM1,000.00
10	Pembersihan Tapak	Pukal	RM5,000.00
11	<i>As-Built Drawing</i>	Pukal / Lokasi	RM10,000.00
12	Traffic Management Plan (TMP)	Pukal / Hari	RM600.00
13	<i>Third Party Remedial Work</i>		<i>ACTUAL COST + 5% CHARGES</i>

1.2.4 Pemohon bertanggungjawab untuk melaksanakan kerja pembaikan kerja utiliti dalam tempoh liabiliti kecacatan iaitu selama 12 bulan dari tarikh Sijil Siap Kerja. Pada akhir tempoh kecacatan, pemohon perlu mengemukakan bukti bahawa semua kerosakan/kecacatan telah dibaiki. Apabila pada pendapat Jurutera Daerah/wakil, pemohon telah membaiki kecacatan atau apa-apa jua pun kerosakan lain yang dikehendaki diperbaikinya, Sijil Perakuan Siap Membaiki Kecacatan

(CMGD) (rujuk **Lampiran E**) akan dikeluarkan oleh Pengarah JKR Negeri dan tarikh yang disebut dalam perakuan itu hendaklah tarikh pemohon siap memperbaiki kecacatan tersebut.

1.2.5 Pemohon hendaklah mengemukakan 4 set pelan yang lengkap bersaiz A1 yang mengandungi butiran seperti berikut:

- i) Nama jalan, perparitan dan siarkaki
- ii) Nama, tandatangan dan alamat pemohon dan perunding.
- iii) Pelan Kunci dengan skala 1:50,000 atau 1:100,000 (yang mana bersesuaian). Pelan berkenaan menunjukkan laluan servis, seksyen, arah dan jarak antara lokasi ke bandar berdekatan.
- iv) Pelan Lokasi dengan skala 1:5,000 atau 1:10,000 (yang mana bersesuaian) yang menunjukkan laluan utiliti awam dengan terperinci.
- v) Kedudukan jalan, perparitan dan siarkaki yang dicadangkan / sedia ada ditunjukkan di atas Pelan Tapak.
- vi) Keratan rentas rezab jalan, perparitan dan siarkaki (termasuk kerb, outlet pipe, jubin, bolard, kemudahan OKU dan lain-lain) yang menunjukkan cadangan saiz paip/kabel, jarak daripada garisan tepi sediada, paip/kabel sediada, *joint box*, lurang, longkang, sump, penutup longkang, slab dan lain-lain. Perincian keratan rentas bagi setiap perkara berikut hanya dikemukakan jika perlu.
- vii) Butiran pada pelan telah diwarnakan dengan warna berbeza dan diberikan "Legend".
- viii) Semua dokumen dan pelan disahkan oleh **perunding kejuruteraan awam dan/atau perunding berkaitan yang bertauliah** dengan pengesahan piawai kejuruteraan dan cop meterai Jurutera Professional berkenaan ditunjukkan dibawahnya: '**I hereby certify that these works have been designed by me in accordance with sound engineering practice and that I take full responsibility for the design, and proper performance of the same.**'
- ix) Pengesanan dan Pemetaan Kemudahan Utiliti Di Bawah Tanah termasuk pelan jajaran lurang (manholeole), pada pelan ukur yang telah disahkan oleh Juruukur Tanah Berlesen, gambar-gambar lengkap tapak sedia ada sebelum kerja bermula dan hendaklah

dikemukakan kepada Jurutera Daerah JKR sebelum permit kerja dikeluarkan. (Tunjukkan semua utiliti sediaada di lokasi cadangan kerja).

- 1.2.6 Pemohon hendaklah mengemukakan satu (1) set gambar jalan-jalan yang terlibat.
- 1.2.7 Pemohon hendaklah mengemukakan “Method Statement” yang disahkan oleh perunding kejuruteraan awam dan/atau perunding berkaitan yang bertauliah untuk semua tatacara dan jadual kerja yang akan dilakukan.
- 1.2.8 Pemohon dikehendaki mengemukakan insurans “Contractor’s All Risk” yang meliputi insurans kerja dan polisi tanggungan awam sepertimana yang dinyatakan di Jadual 2 untuk menanggung rugi (indemnity) Kerajaan. Tempoh sahlaku bermula dari Tarikh Milik Tapak sehingga tamat DLP. Salinan-salinan polisi insuran tersebut hendaklah dihantar kepada Jurutera Daerah JKR dan Pengarah Kerja Raya Negeri untuk tindakan dan simpanan. Dokumen-dokumen ini perlu dikemukakan dua (2) minggu sebelum kerja dimulakan.

Jadual 2:Liputan Insurans Tanggungan Awam

Bil.	Harga Kontrak	Liputan Minimum Bagi Setiap Kemalangan
1.	Tidak melebihi RM 50,000.00	RM 10,000.00
2.	RM 50,001.00 hingga RM 100,000.00	RM 25,000.00
3.	RM 100,001.00 hingga RM 200,000.00	RM 50,000.00
4.	RM 200,001.00 hingga RM 500,000.00	RM 100,000.00
5.	RM 500,001.00 hingga RM 5.0 juta	RM 200,000.00
6.	Melebihi RM 5.0 juta hingga RM 20.0 juta	RM 500,000.00

7.	Melebihi RM 20.0 juta hingga RM 50.0 juta	RM 1.0 juta
8.	Melebihi RM 50.0 juta	RM 2.0 juta

1.2.9 **Surat lantikan/pelan kelulusan laksana kerja** daripada agensi berkaitan (IWK, SYABAS, TNB, Telekom dll.)

1.2.10 Pemohon hendaklah menyelaraskan laluan pemasangan utiliti supaya laluan utiliti tersebut berada seberapa jauh di hujung “Right of Way” (ROW) jalan, bagi keadaan tertentu, sekiranya kawasan ROW adalah terhad maka ianya tertakluk kepada budi bicara Jurutera Daerah JKR.

1.2.11 Pemohon hendaklah mengemukakan Pelan Pengurusan Trafik (TMP) yang disediakan oleh *Traffic Management Officer* (TMO) dan disahkan oleh Jurutera Daerah JKR serta memantau pelaksanaan kerja selaras dengan keperluan TMP mengikut Arahan Teknik Jalan 2C/85 (*Manual On Traffic Control Devices, Temporary Signs And Work Zones Control*), tertakluk kepada keperluan Jurutera Daerah JKR.

1.2.12 Bagi kerja utiliti yang melibatkan lencongan, TMP hendaklah merujuk kepada REAM Guideline - GL 4/2002 (Guidelines for Works Related to Public Utility Installations within the Road Reserve).

1.3 Kebenaran Memulakan Kerja

1.3.1 Pemohon dikehendaki memulakan kerja (tarikh milik tapak) setelah borang JKR/P-02/2016 dan JKR/P-05/2016 ditandatangani oleh Pengarah JKR Negeri.

1.3.2 Pemohon hendaklah memaklumkan kepada pihak Jurutera Daerah JKR satu (1) minggu sebelum memulakan kerja dan satu (1) hari selepas kerja disiapkan

1.3.3 Sekiranya terdapat penanaman utiliti yang lain di lokasi berkenaan, pemohon hendaklah menyelaraskan dengan pihak utiliti yang berkaitan.

1.3.4 Pemohon adalah bertanggungjawab ke atas segala tuntutan akibat kemalangan yang berlaku semasa dan selepas kerja tersebut dijalankan serta semasa dalam tempoh tanggungan kecacatan.

1.3.5 Pemohon hendaklah membuat “pegging-out” (penandaan jajaran kerja) dan dipacak/ditanda satu (1) minggu sebelum kerja dimulakan.

Satu pemeriksaan bersama Jurutera Daerah JKR hendaklah diadakan bagi menentukan semuanya berada dalam keadaan teratur dan sempurna.

- 1.3.6 Sekiranya pemohon tidak memulakan kerja dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh kelulusan permit diberi, permohonan baru Jurutera Daerah JKR untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan semula.
- 1.3.7 Pemohon hendaklah mengemukakan “As-Built Drawing” kepada Jurutera Daerah JKR dan Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dalam bentuk softcopy format AUTOCAD (*.DWG) dan hardcopy dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh kerja disiapkan. Sekiranya pemohon gagal menyediakan dalam tempoh tersebut, JKR berhak melantik pihak ketiga dengan tambahan kos sebanyak 5% menggunakan Wang Cagaran pemohon. Lebihan kos akan ditanggung oleh pemohon. Jika gagal membayar dalam masa tersebut, pihak JKR berhak mengambil tindakan undang-undang untuk menuntut balik lebihan kos itu.
- 1.3.8 Bagi tempoh kerja yang melebihi tempoh permit yang diluluskan, permohonan lanjutan tempoh untuk permit baru perlu dikemukakan oleh pemohon dua (2) minggu sebelum tempoh tamat permit itu.
- 1.3.9 Proses permohonan boleh dirujuk kepada carta alir (**Lampiran F**).

2.0 TATACARA KERJA PEMBINAAN

2.1 Pembinaan Lurang (*Manhole*)

- 2.1.1 Semua lurang yang akan dibina hendaklah berada seberapa jauh di hujung Right Of Way (*ROW*) jalan dan hendaklah melebihi 3 meter daripada tepi pavemen atau bahu jalan berturap.
- 2.1.2 Bagi lurang yang berada kurang 3 meter daripada tepi pavemen atau bahu jalan berturap, bahan lurang tersebut hendaklah dari jenis ‘heavy duty’ dan ‘finishing level’ perlu searas dengan jalan sedia ada. Rekabentuk dan cadangan pembinaan hendaklah mendapat persetujuan Jurutera Daerah JKR terlebih dahulu.
- 2.1.3 Penampalan di sekeliling lurang hendaklah menggunakan bahan jenis ‘*Epoxy Cement*’ atau setaraf dengannya. Sekiranya didapati pihak pemohon gagal dan tidak mematuhi syarat tersebut, Jurutera Daerah JKR berhak melantik syarikat konsesi penyenggaraan Jalan

Persekutuan/Negeri atau pihak ketiga bagi melaksanakan kerja-kerja berkenaan dan segala kos yang berkaitan dengan tambahan 5% akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak pemohon.

2.2 Penanaman Paip Saluran/Kabel

- 2.2.1 Bagi kerja pembinaan yang merentangi jalan utama, hanya kaedah “*Horizontal Directional Drilling*” (HDD) atau setara dengannya dibenarkan. Namun, bagi kerja korekan jalan dengan trafik rendah, kaedah korekan terbuka adalah sebagai pilihan terakhir dibenarkan hanya atas persetujuan Pengarah JKR Negeri berdasarkan Standard of Procedure (S.O.P) semasa jabatan.
- 2.2.2 Kaedah penanaman secara korekan terbuka di sepanjang bahu jalan dibenarkan kecuali yang melibatkan bahu jalan sempit dan tiada ruang mencukupi. Dalam keadaan ini, kaedah HDD atau setara dengannya boleh dipertimbangkan untuk digunakan.
- 2.2.3 Semua lintasan/jajaran di pavemen dan bahu jalan seharusnya disediakan rekabentuk oleh perunding kejuruteraan awam dan/atau perunding berkaitan yang bertauliah untuk persetujuan Jurutera Daerah JKR.
- 2.2.4 Kedalaman paip/kabel seharusnya ditanam tidak kurang 1.5 meter daripada permukaan jalan hingga bahagian atas paip (*crown pipe level*).
- 2.2.5 Semua lintasan di bawah longkang perlu disediakan kaedah kerja dengan had dalam paip/kabel ditanam tidak kurang daripada 1 meter daripada paras bawah longkang tepi jalan.
- 2.2.6 Paip/kabel tidak dibenarkan menumpang pada struktur jambatan dan seharusnya dipasang tidak kurang 10 meter daripada tepi struktur berkenaan. Sebarang kos pengalihan dan pemasangan semula kemudahan utiliti yang terdapat di dalam kawasan rizab Jalan persekutuan dan rizab Jalan negeri ditanggung oleh pemohon sesuai dengan Garis Panduan Pengalihan dan Pemasangan Semula Utiliti Dalam Perlaksanaan Program Dan Projek Kerajaan Bilangan 1 Tahun 2016.
- 2.2.7 Bagi korekan yang melibatkan bahu jalan tidak berturap, kerja-kerja menimbus dan memadat bahu jalan hendaklah dilaksanakan dengan

segera. Rumput dan pokok landskap yang rosak dan mati seharusnya diganti dan ditanam semula. Penyeliaan terhadap tanaman semula tersebut hendaklah dilaksanakan sehingga tanaman itu hidup subur dan untuk tempoh tidak kurang daripada enam (6) bulan.

- 2.2.8 Pemohon tidak dibenarkan sama sekali membuat '*stockpile*' bahan binaan di bahu jalan kecuali dalam kes-kes terpencil di mana pemohon perlu mendapatkan kebenaran khas Jurutera Daerah JKR.

2.3 Kerja - Kerja Di Pavemen

- 2.3.1 Untuk kerja pemotongan terbuka yang dibenarkan di permukaan jalan, pemotongan tersebut perlu dilakukan dengan menggunakan '*diamond cutter*' atau seumpama dengannya.
- 2.3.2 Hanya satu pemotongan terbuka yang merentangi jalan dibenarkan di kawasan yang sama pada satu-satu masa. Pemotongan lain akan hanya dibenarkan selepas kerja-kerja baikpulih selesai dijalankan dengan sempurna di lokasi rentangan pertama.
- 2.3.3 Kerja pemotongan terbuka hendaklah dibaiki sepenuhnya dengan serta-merta seperti keadaan asal sebaik sahaja kerja tersebut siap dilaksanakan.
- 2.3.4 Kaedah pembaikan kerja pemotongan hendaklah merujuk kepada Spesifikasi Piawai Jalan JKR/SPJ/2008-Seksyen 4. Semua ujian yang berkaitan dalam SPJ tersebut perlu dilaksanakan dan lulus.
- 2.3.5 *Mill and Pave* hendaklah dilakukan oleh pihak pemohon setelah semua kerja pembaikan tersebut siap atau pada tarikh tertentu apabila diarahkan oleh Jurutera Daerah JKR. *Mill and Pave* dengan kelebaran keseluruhan lebar jalan sehalu yang terlibat atau tertakluk kepada arahan Jurutera Daerah JKR.
- 2.3.6 Kerja di lokasi yang melibatkan isipadu trafik yang tinggi hanya dibenarkan dilakukan pada waktu malam dan tertakluk kepada waktu yang dibenarkan oleh Jurutera Daerah JKR.
- 2.3.7 Semua bahan korekan tidak dibenarkan dilonggok di atas permukaan jalan atau bahu jalan. Bahan tersebut hendaklah dibuang dari kawasan kerja dengan serta-merta selepas pengorekan.

- 2.3.8 Hanya pasir dan `aggregate' sahaja yang dibenar untuk menimbus semula lubang korekan.
- 2.3.9 Bagi korekan melebihi 1.5 meter kedalaman dan melibatkan tanah yang tidak stabil, struktur penahan yang mencukupi hendaklah disediakan untuk mencegah retakan dan keruntuhan jalan.
- 2.3.10 Bagi korekan di atas permukaan jalan, panel keluli dengan ketebalan sekurang- kurangnya 10 millimeter hendaklah digunakan sebagai penutup sementara. Di bahu jalan yang tidak berturap, agregat/pasir boleh digunakan untuk penutupan sementara.
- 2.3.11 Pemohon hendaklah memastikan kelebaran jalan yang dibuka untuk lalulintas adalah tidak kurang daripada 4 meter untuk membolehkan jalan dilalui semasa kerja pengorekan dilakukan di atas permukaan jalan.
- 2.3.12 Jika lencongan jalan diperlukan, pemohon hendaklah menyediakan lencongan tersebut mengikut kehendak JKR/SPJ /2008-Seksyen 4 dan/atau REAM Guideline - GL 4/2002.
- 2.3.13 Kerja pengorekan jalan pada satu masa adalah tidak dibenarkan melebihi panjang sebagaimana yang dinyatakan di **Jadual 3** seperti yang berikut:

JADUAL 3: Jarak Maksimum Korekan Terbuka

Bil	Utiliti	Jarak maksimum korekan terbuka yang dibenarkan pada satu masa
i.	Telekomunikasi	250 meter
ii.	Bekalan Air	100 meter
iii.	Bekalan Elektrik	100 meter
iv.	Gas	100 meter
v.	Pembetung	100 meter
Nota: Untuk lain-lain utiliti jarak maksimum adalah bergantung kepada kelulusan Jurutera Daerah JKR.		

2.3.14 Pemohon hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut semasa menjalankan kerja di atas jalan:

- a) Gangguan yang minimum kepada lalulintas dan pengguna jalan raya.
- b) Pengawasan yang rapi hendaklah dijalankan semasa kerja ini dijalankan agar permukaan jalan dan bahu jalan tidak rosak.
- c) Papan tanda sementara hendaklah mencukupi seperti yang dipersetujui oleh Jurutera Daerah JKR semasa kerja-kerja dijalankan. Semua papan tanda hendaklah dari jenis "*Wide Angle Prismatic Fluorescent Orange*" atau setaraf dengannya.

2.3.15 Pada masa kerja menanam kabel/paip dijalankan, papan tanda yang lengkap hendaklah disediakan dan dipasang di tempat yang tertentu mengikut REAM Guideline - GL 4/2002.

2.3.16 Papan tanda projek hendaklah disediakan oleh pemohon yang merangkumi maklumat seperti berikut:

- a) Tajuk projek:
- b) Nama pemohon:
- c) Jarak projek:
- d) Tempoh projek:
- e) No. telefon bimbit 'hotline' pemohon (terima aduan awam):

2.3.17 Bagi jalan yang dibuka sehala, **dua (2) orang** pengawal lalulintas hendaklah ditugaskan dengan menggunakan papan tanda isyarat "**BERHENTI-JALAN**". Penggunaan '*walkie talkie*' diwajibkan di kawasan selekoh yang terlindung disamping TMP yang mencukupi seperti REAM Guideline - GL 4/2002.

2.3.18 Lawatan tapak bersama Jurutera Daerah/wakil akan dilaksanakan terlebih dahulu di tapak sebelum Sijil Siap Kerja dikeluarkan oleh Pengarah JKR Negeri.

3.0 PEMBAIKAN KEROSAKAN

- 3.1 Semua kerosakan ke atas binaan sedia ada yang disebabkan oleh kerja-kerja pemohon seperti kerosakan pada longkang, penghadang jalan, papan tanda, rumput dan sebagainya hendaklah dibaiki dengan segera.
- 3.2 Kerja membaiki semula jalan-jalan rosak disebabkan oleh kerja pengorekan hendaklah mengikut JKR/SPJ /2008-Seksyen 4.
- 3.3 Longkang yang tersumbat oleh sampah atau tanah yang disebabkan oleh kerja-kerja korekan utiliti hendaklah dibersihkan dengan serta-merta.
- 3.4 Kerja di atas hendaklah disempurnakan dalam tempoh dua puluh empat (24) jam dari notis pemberhentian kerja dikeluarkan.
- 3.5 Pemohon adalah bertanggungjawab untuk memperbaiki segala kerosakan aset kerajaan, harta benda awam dan persendirian, serta kerosakan lain akibat melaksanakan kerja-kerja berkaitan.
- 3.6 Jurutera Daerah JKR berhak melantik syarikat konsesi penyenggaraan jalan Persekutuan/Negeri atau pihak ketiga bagi melaksanakan kerja pembaikan sekiranya pemohon gagal mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh JKR selepas (24) jam notis kemungkiran dikeluarkan.
- 3.7 Segala kos kerja pembaikan dengan tambahan 5% adalah ditanggung sepenuhnya oleh pemohon. Sekiranya terdapat perbezaan kos kerja pembaikan dengan Wang Cagaran, pemohon hendaklah membayar perbezaan kos itu kepada JKR dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh notis tuntutan diserahkan. Jika gagal membayar dalam masa tersebut, pihak JKR berhak mengambil tindakan undang-undang.
- 3.8 Lawatan tapak bersama Jurutera Daerah/wakil akan dilaksanakan sebelum tarikh DLP tamat bagi memastikan semua kerosakan telah dibaiki sepenuhnya sebelum CMGD dikeluarkan oleh Pengarah JKR Negeri.

4.0 SYARAT KHAS – PEMBEKUAN PERMOHONAN

- 4.1 Pihak JKR berhak membekukan mana-mana permohonan lain oleh pemohon yang Sama sekiranya pemohon melanggar apa-apa syarat dan peraturan serta arahan oleh pihak JKR sebelum ini, sepertimana yang terkandung di dalam prosedur ini.

4.2 Pembekuan tersebut hanya akan dibatalkan oleh Pengarah JKR Negeri setelah beliau berpuas hati dengan tindakan pembetulan yang dilaksanakan oleh pemohon.

LETTER HEAD JURUTERA DAERAH JKR

Rujukan Tuan :

Ruj. Kami :

Tarikh :

(Nama dan Alamat Syarikat Utiliti)**(Tajuk Projek)**
(Kelulusan Kebenaran Izin Lalu)

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Pejabat ini telah mengkaji pelan cadangan izinlalu yang dikemukakan oleh pihak tuan dan ulasan pejabat ini adalah seperti berikut:

BIL	NAMA JALAN	KAEDAH PEMASANGAN
1		
2		

3. Pemohon dikehendaki mengikut prosedur-prosedur & mematuhi syarat-syarat **sebelum** sebarang permit dapat dipertimbangkan dan diluluskan seperti berikut: -

3.1 Melengkapkan borang permohonan permit JKR/P-01/2016, JKR/P-02/2016, JKR/P-03/2016, JKR/P-04/2016 dan JKR/P-05/2016.

3.2 Membuat bayaran melalui bank draf seperti berikut: -

- i) Bayaran atas nama Pengarah JKR Negeri.
- ii) Sertakan nama dan alamat pembayar di belakang bank draf
- iii) Sertakan tiga (3) salinan bank draf.

3.3 Mengemukakan lima (5) set pelan tapak yang telah disahkan oleh Jurutera Perunding Awam (saiz A3/A1) seperti berikut: -

- i) Tandakan merah pada cadangan laluan korekan.
- ii) Nyatakan nama setiap jalan beserta panjang korekan.

Ruj. Kami :

Tarikh :

(Tajuk Projek)
(Kelulusan Kebenaran Izin Lalu)

- iii) Sediakan petak kosong (10cm x 8cm) di penjuru atas kanan pelan.
 - iv) Tandatangan dan cop permohonan pada pelan.
- 3.4 Mengemukakan dua (2) set pelan utility yang telah disahkan oleh Juruukur Berlesen (saiz A3/A1) & menunjukkan semua utility sediaada di lokasi cadangan kerja.
- 3.5 Mengemukakan satu (1) set gambar jalan-jalan yang terlibat seperti berikut :-
- i) Tandakan merah pada cadangan laluan korekan.
 - ii) Nyatakan nama jalan pada setiap gambar.
- 3.6 Mengemukakan penerangan prosedur kerja yang disahkan oleh Jurutera Perunding Awam.
- 3.7 Mengemukakan rajah keratan lintang kerja korekan yang disahkan oleh Jurutera Perunding Awam.
- 3.8 Mengemukakan insuran 'Contractor All Risk' (CAR) minima 6 bulan tempoh sahlaku.
- 3.9 Mengemukakan surat/pelan kelulusan daripada agensi berkaitan (IWK, SYABAS, TNB, Telekom dll)
- 3.10 Sebarang utiliti yang menyeberangi/melistasi longkang-longkang besar, culvert, parit atau sungai hendaklah secara berasingan dan tidak dibenarkan di gantung pada mana-mana jambatan sediaada. Butir caranya hendaklah disertakan.
- 3.11 **Kerja Kisar & Turap (Mill & and Pave)**
ULASAN:
- i) Pemohon hendaklah melakukan kerja kisar dan turap (*Mill and Pave*) setelah semua kerja korekan siap atau pada tarikh tertentu apabila diarahkan oleh Jurutera Daerah JKR.
 - ii) "Mill & Pave" dengan kelebaran keseluruhan lebar jalan sehala yang terlibat atau tertakluk kepada arahan Jurutera Daerah JKR.

Ruj. Kami :

Tarikh :

(Tajuk Projek)
(Kelulusan Kebenaran Izin Lalu)

- 3.12 Semua lurang yang akan dibina hendaklah berada sejauh di hujung ROW jalan dan hendaklah melebihi 3 meter daripada tepi pavemen atau bahu jalan berturap.
- 3.13 Bagi lurang yang berada kurang 3 meter daripada tepi pavemen atau bahu jalan berturap, bahan lurang tersebut hendaklah dari jenis 'Heavy Duty' dan 'Finishing level' perlu searas dengan jalan sedia ada. Rekabentuk dan cadangan pembinaan hendaklah mendapat persetujuan Jurutera Daerah JKR terlebih dahulu.
- 3.14 **Kebenaran izinlalu ini hanya sah untuk tempoh tiga (3) bulan sahaja dari tarikh surat ini.**
- 3.15 Pemohon dikehendaki mendapat kelulusan dari JKR Daerah untuk sebarang penutupan sebahagian atau sepenuhnya jalan-jalan terlibat.
- 3.16 Pemohon dikehendaki mendapat kelulusan dari PBT yang berkaitan untuk sebarang pemotongan atas cantasan pokok jika perlu.
- 3.17 Pihak JKR berhak mengubah cadangan laluan pemasangan utiliti dan mengenakan syarat-syarat tambahan mengikut keperluan semasa.

Ruj. Kami :

Tarikh :

(Tajuk Projek)
(Kelulusan Kebenaran Izin Lalu)

4. Kerjasama dan makluman awal dari pihak tuan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(T/Tangan)

.....

(NAMA DAN ALAMAT JURUTERA DAERAH)

Salinan Kepada

1. Pengarah JKR Negeri

LETTER HEAD PENGARAH JKR NEGERI

SIJIL PERAKUAN SIAP KERJA

Rujukan Tuan :

Ruj. Kami :

Tarikh :

(Nama dan Alamat Pengarah JKR Negeri)

(Tajuk Projek)

Merujuk kepada permohonan tuan dalam borang JKR/P-02/2016 yang bertarikh _____, dengan ini pejabat ini mengambil maklum bahawa kerja-kerja yang berkenaan yang dilakukan dibawah penyeliaan tuan telah siap dengan memuaskan .

Tuan adalah diingatkan bahawa pihak tuan masih bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan dan kecacatan dalam tempoh dua belas (12) bulan. Perakuan Siap Membaiki Kecacatan (Lampiran C) akan dikeluarkan sekiranya tiada kecacatan berlaku atas kerja-kerja tersebut dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh sijil ini.

Wang Cagaran tuan akan dipulangkan sebanyak 50% selepas sijil ini dikeluarkan manakala baki selebihnya akan dipulangkan selepas tiga (3) bulan dari tarikh sijil ini sekiranya pihak tuan ada mendeposit wang amanah bagi kerja-kerja kecemasan. Sebaliknya, jika pihak tuan tiada deposit wang amanah bagi kerja-kerja kecemasan, baki pulangan wang cagaran akan dikeluarkan selepas dua belas (12) bulan dari tarikh sijil ini.

Sekian.

(T/Tangan)

.....


(NAMA DAN ALAMAT PENGARAH JKR NEGERI)

Salinan Kepada

1. **PENGARAH**

Cawangan Senggara Fasiliti Jalan
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur
MALAYSIA.

**KAEDAH PENGIRAAN WANG CAGARAN
BAGI KERJA *HORIZONTAL DIRECTIONAL DRILLING (HDD)*
MERINTANGI JALAN**



Cara Pengiraan Kadar Wang Cagaran


Jumlah Wang Cagaran

$$= (\text{RM } 6,500/\text{meter} \times \text{Lebar Jalan}) + (\text{Bilangan Excavation Pit} \times \text{RM}25,000/\text{Pit})$$

$$= (\text{RM}6,500/\text{meter} \times 7 \text{ meter}) + (2 \text{ Excavation Pit} \times \text{RM}25,000/\text{Pit})$$

$$= \underline{\underline{\text{RM } 95,500}}$$

**KAEDAH PENGIRAAN WANG CAGARAN
BAGI KERJA *HORIZONTAL DIRECTIONAL DRILLING (HDD)*
SEPANJANG JALAN**



Cara Pengiraan Kadar Wang Cagaran

Jumlah Wang Cagaran


$$= \text{Bilangan } Excavation \text{ Pit} \times \text{RM25,000/Pit}$$

Sekiranya terdapat 2 *Excavation Pit*

$$= 2 \times \text{RM25,000/Pit}$$

$$= \underline{\underline{\text{RM50,000}}}$$

**KAEDAH PENGIRAAN WANG CAGARAN
BAGI KERJA *HORIZONTAL DIRECTIONAL DRILLING (HDD)*
SEPANJANG JALAN**



Cara Pengiraan Kadar Wang Cagaran

Jumlah Wang Cagaran

$$= \text{Bilangan } \textit{Excavation Pit} \times \text{RM25,000/Pit}$$

Sekiranya terdapat 2 *Excavation Pit*

$$= 2 \times \text{RM25,000/Pit}$$

$$= \underline{\underline{\text{RM50,000}}}$$

LETTER HEAD PENGARAH JKR NEGERI

SIJIL PERAKUAN SIAP MEMBAIKI KECACATAN

Rujukan Tuan :

Ruj. Kami :

Tarikh :

(Nama dan Alamat Pengarah JKR Negeri)

(Tajuk Projek)

Dengan ini, saya mengesahkan bahawa pejabat ini berpuas hati dengan kerja-kerja tersebut di atas dan semua kerja pembaikan kerosakan / kecacatan telah sempurna dilaksanakan.

Sekian.

(T/Tangan)


.....

(NAMA DAN ALAMAT PENGARAH JKR NEGERI)

Salinan Kepada

2. **PENGARAH**
Cawangan Senggara Fasiliti Jalan
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur
MALAYSIA.

CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN KERJA UTILITI BERJADUAL



BORANG PERMOHONAN (Korekan Jalan)

Kepada: Pengarah JKR Negeri

Ruj. Kami :

Ruj. Tuan :

Tarikh :

Tuan,

Nama Projek:

A. Maklumat Asas Pemohon

1. Maklumat Pemohon (Syarikat Utiliti):
 - a) Nama :
 - b) Alamat :
 - c) No. Telefon :
 - d) Pegawai Bertanggungjawab:

2. Maklumat Perunding Kejuruteraan Awam
 - a) Nama :
 - b) Alamat :
 - c) No. Telefon :
 - d) Pegawai Bertanggungjawab:

3. Maklumat Kontraktor Kerja Utiliti:
 - a) Nama :
 - b) Alamat :
 - c) No. Telefon :
 - d) Pegawai Bertanggungjawab:

4. Maklumat Kontraktor Kerja Sivil:
 - a) Nama :
 - b) Alamat :
 - c) No. Telefon :
 - d) Pegawai Bertanggungjawab:

B. Butiran projek

1. Keterangan Kerja
 - a) Jenis Utiliti (sila tandakan yang berkenaan)
 - i. Tenaga ()
 - ii. Air ()
 - iii. Telekomunikasi ()
 - iv. Gas ()
 - v. Pembedung ()
 - vi. Lain-lain (sila nyatakan): _____

2. Lokasi Kerja
 - a) Nama Jalan/No. Laluan:
 - b) Dari KM.....ke KM.....
 - c) Jumlah Panjang Jalan Terlibat:
 - d) Koordinat (jika ada):

3. Kaedah Kerja (sila tandakan yang berkenaan)
 - a) Korekan Terbuka ()
 - b) Tanpa Korekan / HDD ()
 - c) Lain-lain (sila nyatakan): _____

4. Tempoh Kerja :

5. Jangkaan Tarikh Mula Kerja:

6. Jangkaan Tarikh Kerja Siap:

7. Kos Projek

Kadar Wang Cagaran:

BIL	JENIS KERJA	KUANTITI	KADAR (RM)	BAYARAN (RM)
1	<i>Horizontal Directional Drilling (HDD) (merintang jalan)</i>	meter	6,500.00/meter	
2	<i>Horizontal Directional Drilling (HDD) (sepanjang bahu jalan)</i>	pit	25,000.00	
3	<i>Tunnelling</i>	meter	6,500.00/meter	
4	<i>Thrustboring / Pipe Jacking / Jack & Drill</i>	meter	6,500.00/meter	
5	Potong Bahu Jalan (Tidak Berturap)	*meter/ minima	400.00/meter 5000.00/minima	
6	Potong Permukaan Jalan Berturap/ <i>Micro-trenching</i> *(dengan kelulusan Pengarah JKR Negeri)	*meter/ minima	8,000.00/meter 10,000.00/minima	
7	<i>Trial Pit</i>	Bilangan	5,000.00	
8	<i>Excavation Pit</i>	Bilangan	25,000.00	
9	Pemasangan Tiang	Bilangan	1,000.00	
10	Permbersihan Tapak	Pukal	5,000.00	
11	<i>As-Built Drawing</i>	*Pukal/ Lokasi	10,000.00	
12	<i>Traffic Management Plan (TMP)</i>	*Pukal/ Hari	600.00	
			JUMLAH KOS (RM) =	
			+ 6% GST dari JUMLAH KOS	
			+ 5 % Third Party Remedial Work dari JUMLAH KOS	
			JUMLAH KESELURUHAN	

*Potong yang mana tidak berkaitan.

C. Lain-lain Maklumat Tambahan

D. Setelah mengkaji segala peraturan dan syarat-syarat, pihak saya/kami seperti tandatangan di bawah, dengan ini bersetuju:

1. Saya/Kami yang mewakili pihak Pemohon bersetuju menurut segala syarat-syarat dan peraturan serta arahan oleh pihak JKR, sepertimana yang terkandung di dalam Prosedur Permohonan Syarikat Utiliti Kepada JKR.

2. Saya/Kami bersetuju jika saya/kami melanggar apa-apa syarat dan peraturan serta arahan oleh pihak JKR sepertimana yang terkandung di dalam Prosedur Permohonan Syarikat Utiliti Kepada JKR, pihak JKR berhak -
 - 2.1 Memberhentikan kerja dengan serta-merta,
 - 2.2 Mengenakan apa-apa tindakan yang terkandung di dalam Prosedur Permohonan Syarikat Utiliti Kepada JKR, dan
 - 2.3 Membekukan mana-mana permohonan saya/kami yang belum diluluskan oleh JKR.
3. Saya/Kami bersetuju sekiranya pihak saya/kami gagal melaksanakan kerja mengikut syarat-syarat yang telah dipersetujui, JKR berhak melantik syarikat konsesi/pihak ketiga bagi membaikpulih jalan atau apa-apa kerja sivil yang berkaitan di dalam rizab jalan JKR dengan tambahan kos 25% dari kos yang asal.
4. Saya/Kami bersetuju melantik perunding kejuruteraan awam dan/atau perunding berkaitan yang bertauliah untuk merekabentuk dan mengawasi kerja-kerja mengorek dan membaikpulih jalan atau apa-apa kerja sivil yang berkaitan di dalam rizab jalan JKR dan/atau Jurutera Professional (yang berkaitan) dengan kerja-kerja yang berkaitan.
5. Saya/Kami bersetuju untuk mengemukakan Pelan Pengurusan Trafik (TMP) yang disediakan oleh *Traffic Management Officer* (TMO) dan disahkan oleh Jurutera Daerah JKR dengan merujuk kepada Arahan Teknik (Jalan) ATJ 2C/85 dan memantau kerja-kerja selaras dengan keperluan TMP.
6. Pegawai-pegawai JKR berhak memeriksa pada bila-bila masa kerja yang sedang saya/kami jalankan.
7. Saya/Kami bersetuju untuk bertanggungjawab terhadap segala kos yang terlibat bagi kerja pembaikan yang tidak sempurna oleh pihak saya/kami.
8. Saya/Kami bersetuju untuk bertanggungjawab terhadap segala kos yang terlibat dengan kerja pengalihan/pengubahsuaian utiliti saya/kami oleh kerana kerja-kerja melebarkan dan memperelokkan jalan oleh JKR di masa-masa akan datang.
9. Saya/Kami bersetuju untuk bertanggungjawab ke atas keselamatan orang ramai, dan menanggung rugi Kerajaan atas apa-apa tuntutan, prosiding,

kerugian, pampasan dan kos tindakan akibat daripada kerosakan harta benda dan lain-lain liabiliti pihak ketiga akibat daripada kerja-kerja saya/kami.

10. Saya/Kami juga bersetuju melepaskan JKR dari apa-apa tuntutan, prosiding, kerugian, kerosakan, pampasan dan kos tindakan mahkamah oleh pihak ketiga serta apa jua kehilangan berbangkit atau berkaitan dengan kerja-kerja saya/kami yang dialami oleh JKR.

11. Saya/Kami bersetuju sekiranya pihak saya/kami gagal untuk membaiki kerosakan dalam tempoh yang telah ditetapkan, JKR berhak mengarahkan syarikat konsesi/pihak ketiga dan/atau JKR berhak melantik pihak ketiga untuk membaiki kerosakan pada bila-bila masa dan segala kos ditanggung oleh saya/kami dan saya/kami tiada halangan untuk JKR menggunakan wang cagaran.

12. Saya/Kami juga bersetuju bahawa kesemua syarat-syarat di atas adalah kekal berkuatkuasa dan mengikat saya/kami, pewarisnya dan/atau orang yang diserahkan hak (*assignee*).

E. Bersama ini disertakan tiga (3) set dokumen permohonan untuk rujukan dan semakan pihak tuan.

(Pihak yang menandatangani di bawah hendaklah Pengarah Syarikat Utiliti atau pegawai yang diberi kuasa)

Pemohon

Tandatangan :.....

Nama :.....

No. KP :.....

Jawatan :.....

Cop :

Diluluskan oleh:

Pengarah JKR Negeri

Tandatangan :.....

Nama :.....

No. KP :.....

Jawatan :.....

Cop :

**PENGESAHAN PERLANTIKAN PERUNDING KEJURUTERAAN AWAM DAN/ATAU
PERUNDING BERKAITAN YANG BERTAULIAH**

Rujukan Kami:

hb. 20.....

Pengarah

.....
.....
.....
.....

(Alamat Pengarah JKR Negeri)

Tuan,

Tajuk Projek :
.....

Saya / Kami

.....

(Nama Firma Perunding Kejuruteraan), ingin mengesahkan bahawa saya / kami telah dilantik sebagai Jurutera Perunding, bertanggungjawab ke atas pengawasan kerja-kerja korekan utiliti untuk projek berkenaan.

Sekian.

Yang benar,

.....

(Jurutera Perunding)

Nama Perunding	:	_____	Nama Pemohon	:	_____
Alamat	:	_____	Alamat	:	_____
		_____			_____
No. Telefon	:	_____	No. Telefon	:	_____
No. Faks	:	_____	No. Faks	:	_____
E-mail	:	_____	E-mail	:	_____
		_____			_____

(Jika Perlu)

Nama Perunding	:	_____	Nama Pemohon	:	_____
Alamat	:	_____	Alamat	:	_____
		_____			_____
No. Telefon	:	_____	No. Telefon	:	_____
No. Faks	:	_____	No. Faks	:	_____
E-mail	:	_____	E-mail	:	_____
		_____			_____

(Jika Perlu)

Nama Perunding	:	_____	Nama Pemohon	:	_____
Alamat	:	_____	Alamat	:	_____
		_____			_____
No. Telefon	:	_____	No. Telefon	:	_____
No. Faks	:	_____	No. Faks	:	_____
E-mail	:	_____	E-mail	:	_____
		_____			_____

PENGEMUKAAN PELAN-PELAN KOREKAN KERJA-KERJA UTILITI

Rujukan Kami: hb.
 20.....

Pengarah

.....

(Alamat Pengarah JKR Negeri)

Tajuk Projek :

Pengemukakan Pelan-Pelan Korekan Kerja- Kerja Utiliti

Saya / Kami – Tetuan.....- Firma Perunding Kejuruteraan Awam, dengan ini mengemukakan pelan-pelan permohonan untuk cadangan korekan kerja-kerja utiliti untuk kawasan tersebut.

Pelan No :

..... (Jumlah Bil. Pelan :.....) (4 set).

Saya dengan ini, berjanji akan bertanggungjawab ke atas segala pelaksanaan korekan kerja-kerja utiliti .

.....
 (Jurutera Perunding)

Nama Jurutera Perunding:
 Alamat : No.Tel :.....
 E-Mail :.....
 No.Faks:.....

Akuianji Antara Pemohon Dan Pengarah JKR Negeri

Adalah saya/kami bagi pihak Pemohon..... dengan ini membenarkan dan bersetuju JKR menggunakan wang cagaran berjumlah RM..... yang telah dikenakan ke atas kami bagi menjalankan kerja membaikpulih ke atas jalan-jalan yang terlibat dalam permohonan ini. Dan saya/kami tidak akan menuntut kembali wang cagaran tersebut yang digunapakai oleh JKR.

Saya/kami juga bersetuju untuk membayar perbezaan kos pembaikan jika wang cagaran itu tidak mencukupi untuk menampung kos bagi kerja membaikpulih itu.

Tandatangan Pemohon

Saksi Pemohon
(Syarikat Utiliti)

Nama:

Nama:

Cop :

Cop :

Jawatan:

Jawatan:

Tarikh:

Tarikh:

Di hadapan saya,

Saksi (Pegawai JKR selain
Pengarah)

Pengarah JKR Negeri

Nama:

Nama:

Cop :

Cop :

Jawatan:

Jawatan:

Tarikh:

Tarikh: